

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta  
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

- (a) jumlah rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan dari Mac 2020 sehingga Ogos 2021; dan
- (b) berapakah dari jumlah kehilangan tersebut yang berjaya ditempatkan semula di sektor pekerjaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Merujuk kepada statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi tempoh Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2021 adalah seramai 140,608 orang pekerja.

Manakala jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan dan ditempatkan semula di dalam pekerjaan bagi tempoh Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2021 adalah seramai 58,530 orang. Bagi pencari kerja yang masih belum mendapatkan pekerjaan, setiap pekerja tersebut akan dibantu oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO untuk sokongan perkhidmatan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.